

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
HUKUM SOLAT TAHIYATUL MASJID DI SURAU**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor telah dikemukakan dengan persoalan tentang hukum solat Tahiyatul Masjid di tempat berikut :

- a) Surau yang tidak ada solat Jumaat.
- b) Surau yang dibenarkan solat Jumaat sementara.

Pihak Jawatankuasa diminta memberikan keputusan mengenai isu ini.

2. PERBINCANGAN / KEPUTUSAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti serta mengikut hukum yang mu'tabar dalam Islam.

Oleh itu, Jawatankuasa Fatwa dalam persidangannya kali ke 5/98 memutuskan agar sandaran hukum syara' yang lebih kukuh diperolehi bagi menyokong sesuatu hukum yang diputuskan iaitu :

Menurut Dr. Wahbah al-Zuhailiy dalam kitab *al-Fiqh al-Islami Wa'adillatuh* didalam bab sembahyang Tahiyat al-Masjid :

“ Sesiapa yang memasuki masjid disunatkan membuat sembahyang sunat dua rakaat sebagai penghormatan kepada pemilik masjid kerana terdapat hadis Rasulullah s.a.w,

إذا دخل أحدكم المسجد فلا يجلس حتى يركع ركعتين

Maksudnya : Apabila salah seorang kamu memasuki masjid, janganlah dia duduk sebelum melakukan ruku' dua rakaat sembahyang dua raka'at.

Mengikut ulama Hanafi ini hendaklah dilakukan pada masa yang bukan makruh. Menunaikan fardhu atau lainnya boleh menggantikan dua raka'at ini tanpa perlu kepada niat. Jika uzur, memadai jika melakukannya sekali sahaja dalam sehari jika berulang kali memasuki masjid. Walaupun begitu tuntutan sunat Tahiyatul Masjid ini tidak menjadi gugur dengan sebab duduk sebelum sembahyang, pada pandangan ulama' Hanafi kerana terdapat Hadith Ibn Hibban dalam Sahihnya yang menyebut :

يا أبا ذر، إن للمسجد تحيته حتى ركعتان فقم فاركعهما

Maksudnya : Wahai Abu Dhar! Sesungguhnya masjid mempunyai penghormatan dan penghormatannya ialah sembahyang dua raka'at. Oleh itu, hendaklah kamu melakukan keduanya.

Hadith yang disebutkan sebelum ini iaitu, إذا دخل أحدكم المسجد.... bertujuan menerangkan perkara yang lebih utama iaitu dikecualikan daripada perkataan "masjid" ialah Masjidil Haram kerana penghormatannya ialah tawaf. Sesiapa yang tidak dapat membuat Tahiyatu al-Masjid dengan sebab berhadath atau sebagainya dia disunatkan menyebut kalimah tasbih yang empat iaitu :

سبحان الله والحمد لله ولا إله إلا الله والله أكبر

Jika dilihat dalam Hal lain kitab *al-Fiqh al-Islami Wa'adillatuh*, sembahyang Tahiyat al-Masjid ini mempunyai dua raka'at. Mengikut *qawl al-asah*, ia dilakukan setiap kali masuk masjid, berdasarkan riwayat Abu Qatadah r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda :

إذا دخل أحدكم المسجد فلا يجلس حتى يركع ركعتين

Maksudnya : Apabila salah seorang kamu memasuki masjid, janganlah dia duduk sebelum melakukan ruku' dua rakaat sembahyang dua raka'at.

Apabila seseorang itu memasuki masjid dan sembahyang jemaah telah mula dilakukan, dia tidak perlu melakukan sembahyang Tahiyatul Masjid kerana Rasulullah s.a.w bersabda :

إذا أقيمت الصلاة, فلا صلاة إلا المكتوبة.

Maksudnya : Apabila sembahyang jama'ah telah mula dilakukan maka tidak ada lagi sembahyang kecuali sembahyang fardhu.

Dan juga kerana sunat Tahiyat al-Masjid sudah terlaksana dengan fardhu tersebut. Sunat Tahiyat boleh terlaksana dengan melakukan fardhu atau sunat lain sekalipun ia tidak diniatkan kerana tujuan sembahyang Tahiyat ialah supaya masjid tidak dicerobohi tanpa sembahyang. Atas dasar ini maka makruh melakukan Tahiyat al-Masjid jika sembahyang jama'ah sedang dimulakan dalam masjid itu atau apabila seseorang itu memasuki Masjid al-Haram. Lalu dia melakukan Tahiyat sebelum daripada tawaf, atau ia bimbang terluput menunaikan sembahyang. Tahiyat al-Masjid tidak disunatkan bagi Khatib apabila dia telah keluar dari tempatnya untuk berkhotbah. Dan tidak menjadi sunat bagi seseorang jika dilakukan menyebabkan dia terlepas raka'at pertama sembahyang Jumaat bersama-sama Imam ”.